

16 SEP 1997

Suharto-Jerebu

SUHARTO MEMINTA MAAF KERANA JEREBU

Oleh: Haris Syamaun

JAKARTA, 16 Sept (Bernama) -- Presiden Suharto dari Indonesia hari ini memohon maaf kepada negara-negara jiran yang dilanda jerebu kerana kebakaran hutan di negara itu sejak dua minggu lepas.

"Kepada masyarakat negara-negara jiran yang terganggu kerana kebakaran di wilayah kita, Indonesia menyampaikan ampun maafnya," kata beliau.

Beliau menyampaikan perkara itu di pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Asean Ketujuh Mengenai Alam Sekitar di Istana Merdeka di sini.

Suharto berkata, beliau menghargai kerjasama rapat di kalangan negara-negara Asean dalam mengatasi kebakaran hutan yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

"Indonesia -- yang mempunyai hutan dan hutan rimbun tropika yang luas -- paling terjejas dalam kejadian itu," kata beliau.

Presiden itu berkata, Indonesia telah melakukan apa sahaja yang boleh untuk memadamkan kebakaran hutan dan hutan rimbun di negara itu.

Suharto berkata, kerajaan Indonesia sedar kebakaran hutan rimbun dan hutan itu telah menjejaskan komunikasi dan membawa kesan negatif kepada negara-negara di rantau ini.

"Bagaimanapun, keluasan hutan dan hutan rimbun kita yang begitu besar dan kemarau yang berpanjangan menyebabkan halangan besar dalam usaha mencegah dan mengawal kebakaran itu," kata beliau.

Delegasi dari lima negara anggota ASEAN mengambil bahagian dalam perjumpaan tiga hari itu yang bertujuan memperkemas kerjasama dalam mengatasi masalah-masalah alam sekitar.

Mesyuarat itu sepatutnya berlangsung di Manado, Sulawesi Utara tetapi dipindahkan ke Jakarta semasa persiapan terakhir kerana diramalkan masalah penerbangan ke situ yang disebabkan oleh jerebu.

Menteri Negara bagi Alam Sekitar Sarwono Kusumaatmadja berkata, mesyuarat itu diadakan kerana kesan buruk yang disebabkan oleh kebakaran di Sumatera dan Borneo.

Suharto pada Selasa lepas mengharamkan semua aktiviti pembersihan tanah di kawasan hutan untuk mengelakkan kebakaran.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata Malaysia akan mengisytiharkan darurat jika jerebu mencapai tahap kritikal iaitu apabila indeks pencemaran udaranya (API) melebihi 500. -- BERNAMA

HSY PR